



Indeks Perdagangan Luar Negeri Oktober 2024

EKSPORT

▼ 4.2%
Minyak Galian

Indeks Nilai Seunit
▼ 1.0%

▼ 0.7%
Bahan Kimia

▼ 0.8%
Alat Jentera & Kelengkapan
Pengangkutan

Nilai (RM Bilion)

Sep '24

128.6

Okt '24

128.1

▲ 3.7%

Indeks Volum

4.7% ▲



▲ 19.7% Minyak Galian



▲ 7.6% Pelbagai Barang Keluaran Kilang



▲ 6.2% Barang-barang Keluaran Kilang

IMPORT

▼ 4.5%
Minyak Galian

▼ 0.5%
Bahan Kimia

▼ 0.4%
Barang-barang Keluaran Kilang

Indeks Nilai Seunit
▼ 0.7%

Nilai (RM Bilion)

Sep '24

110.8

Okt '24

116.1

▲ 4.8%

Indeks Volum

▲ 5.5%



▲ 8.0% Bahan Kimia



▲ 7.3% Barang-barang Keluaran Kilang



▲ 5.1% Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan

TERMA PERDAGANGAN

▼ 0.3%


▼ 0.7%
Alat Jentera & Kelengkapan
Pengangkutan

▼ 0.2%
Bahan Kimia

Semua perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber: Indeks Perdagangan Luar Negeri, Oktober 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



Harga eksport dan import Malaysia masing-masing merosot 1.0 peratus dan 0.7 peratus pada Oktober 2024 disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.

- **Indeks nilai seunit eksport** jatuh 1.0 peratus pada Oktober 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.2%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.8%) dan bahan kimia (-0.7%). Namun begitu, **indeks volum eksport** naik 4.7 peratus selaras dengan kenaikan indeks minyak galian (+19.7%), pelbagai barang keluaran kilang (+7.6%) dan barang-barang keluaran kilang (+6.2%). **Indeks volum eksport pelarasan** bermusim berkembang 7.0 peratus daripada 146.7 mata kepada 156.9 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing meningkat 1.0 peratus dan 0.6 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** turun 0.7 peratus pada Oktober 2024, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-4.5%), bahan kimia (-0.5%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.4%). **Indeks volum import** meningkat 5.5 peratus pada Oktober 2024 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks bahan kimia (+8.0%), barang-barang keluaran kilang (+7.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+5.1%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** melonjak 7.8 peratus daripada 187.3 mata kepada 201.8 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 3.8 peratus dan indeks volum bertambah 6.7 peratus.
- **Terma perdagangan Malaysia** menguncup 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 117.1 mata pada Oktober 2024. Terma perdagangan Malaysia **tahun ke tahun** menokok 5.0 peratus daripada 111.5 mata pada Oktober tahun lalu.

